

# HURAIAN UMUM ASPEK LINGUISTIK BAHASA KAYAN

*Nancy Thomas dan Shantrol Abdullah*

## Abstrak

Kajian berbentuk tinjauan umum aspek linguistik bahasa Kayan ini dijalankan di Belaga dan Miri. Kajian secara ringkas ini juga lebih menjurus kepada bidang linguistik yang melihat perilaku dan asal bahasa sesuatu kaum, khususnya di Sarawak. Kajian permulaan ini juga bertujuan untuk meneliti aspek kebahasaan komuniti Kayan yang mencakup aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Selain itu, aspek sosiolinguistik seperti perlakuan berbahasa komuniti ini juga turut dipaparkan. Kajian ini juga memberikan gambaran secara ringkas tentang sosiobudaya masyarakat Kayan, di Sarawak.

## Abstract

*This study is a general survey on the various aspects of Kayan language carried out in Belaga and Miri. This brief study is more concentrated on the linguistic aspects, i.e. to observe the linguistic behaviour and origin of a certain native language, especially in Sarawak. This study also tried to reveal the phonology, morphology and syntactic patterns of Kayan language used by the communicating community. Besides, this study also gave a brief view of social cultural behaviour of the Kayan tribe in Sarawak.*

## PENDAHULUAN

Kajian ini cuba memperlihatkan keunikan dan kelainan dari sudut kebahasaan dan kebudayaan komuniti Kayan, khususnya yang mendiami kawasan Sungai Asap dan Sungai Koyan, Belaga dan Miri, Sarawak. Untuk mendapatkan data-data dalam penulisan ini, penulis telah membuat

penyelidikan lapangan yang lebih mengkhusus kepada kaedah temu bual dan rakaman, pemerhatian ikut serta dan introspeksi. Kaedah ini penting bagi penulis mendapatkan gambaran sebenar berkenaan dengan bentuk-bentuk bahasa komuniti Kayan.

## Latar Belakang Masyarakat Kayan

Komuniti Kayan di Sarawak dikelompokkan dalam golongan Austronesia. Secara umumnya, ia dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan yang utama, iaitu Kayan Baram yang mendiami kawasan pedalaman di Bahagian Miri, Kayan Belaga yang mendiami kawasan pedalaman Bahagian Kapit dan Kayan Tubau yang menetap di Bahagian Bintulu. Komuniti Kayan ini dipercayai telah berhijrah dan menetap di Sarawak lebih daripada 300 tahun yang lalu.

Terdapat sejumlah besar komuniti Kayan yang menetap di negara Indonesia, terutamanya di bahagian Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah. Golongan Kayan di Indonesia juga dipercayai mempunyai hubungan dan kaitan dengan komuniti Kayan di Sarawak berdasarkan penghijrahan yang dilakukan oleh komuniti Kayan di ketiga-tiga daerah sejak dahulu lagi. Komuniti Kayan di Indonesia lebih dikenali sebagai Kayan Mekam, Kayan Uma Laran, Kayan Ja'e dan Kayan Uma Leken.

Penghijrahan komuniti ini ke bahagian pedalaman negeri Sarawak mengambil masa yang lama dan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Pada masa dahulu, komuniti ini berhijrah dari satu tempat ke satu tempat yang lain atas dasar keselamatan. Hal ini terjadi kerana komuniti ini pada masa itu masih lagi mengamalkan amalan *ngayo* [ŋajo] atau dikenali sebagai amalan memotong kepala musuh yang terdiri daripada komuniti lain seperti Iban dan sebagainya. Di samping itu, komuniti ini juga sering berhijrah dengan tujuan mencari penempatan baharu yang sesuai dengan aktiviti pertanian sara diri.

Penempatan awal komuniti Kayan di Sarawak dipercayai wujud di Halem Kayan, Kalimantan. Penghijrahan secara beransur-ansur telah menyebabkan komuniti ini berpecah belah dan menduduki beberapa kawasan pedalaman di Sarawak. Pada peringkat awal, komuniti ini dipercayai menetap di Apo Kayan. Kemudian mereka berpindah ke Halem Kayan. Sehingga kini, masih lagi terdapat peninggalan komuniti ini di Halem Kayan, Mahakam (Mekam) seperti serpihan-serpihan *tajo* [taʃo] (pasu besar), periuk besi, pinggan mangkuk dan peralatan-peralatan yang lain.

Semasa di Halem Kayan, penduduk Kayan dipercayai telah berpecah kepada beberapa kumpulan. Menurut hasil temu bual penulis dengan informan, kejadian ini berlaku pada waktu subuh setelah mereka mendengar bunyi teriakan *payo! payo! payo!* (bermaksud rusa! rusa! rusa!) Tetapi kebanyakannya mereka tersalah dengar dan menyangka teriakan itu berbunyi “*ayo! ayo! ayo!*” yang bermaksud “musuh! musuh! musuh!” Kemudian, mereka telah melarikan diri bersama-sama keluarga masing-masing sehingga menyebabkan berlakunya penghijrah dalam kalangan komuniti ini secara berperingkat-peringkat. Terdapat juga komuniti Kayan yang dipercayai masih tinggal di kawasan tersebut, dan tidak dapat berhijrah kerana jambatan yang merentangi Sungai Halem Kayan telah dirobohkan oleh golongan awal yang telah melarikan diri semasa insiden itu berlaku. Sebab itulah sehingga kini masih terdapat komuniti Kayan yang tinggal di tempat asal komuniti ini di Kalimantan.

Kebanyakannya yang melarikan diri dipercayai telah membuka penempatan di Long Tavang [loŋ tavarŋ], Long Boh (loŋ boh), Long Medalam (loŋ mədalam], dan Long Mekam (loŋ məkam]. Kemudian terdapat lagi segelintir daripada komuniti Kayan ini berhijrah ke kawasan hilir Sungai Balui dan membuka penempatan baharu di Udu Belavan [udu bəlavən], Lusong Laku [luson̩ laku], Long Benalui [loŋ benalui], dan Long Taman [long taman]. Dipercayai, perperangan yang berlaku di Lusong Laku [luson̩ laku] telah menyebabkan segelintir lagi komuniti Kayan berhijrah ke Telang Usan [təlaŋ usan] atau ke Bahagian Baram, Miri. Inilah yang menyebabkan terdapatnya komuniti Kayan di Miri. Sebelum itu, Long Benalui (loŋ benalui], merupakan kawasan penempatan yang terbesar bagi komuniti ini sebelum mereka meneruskan penghijrah. Selepas beberapa lama, mereka dipercayai berhijrah lagi ke Juman Baho (Juman baho], dan terus berhijrah lagi hingga ke Long Jawe [loŋ Jawe?]. Di sini mereka membuka perkampungan baharu yang diberi nama Long Leviwe (loŋ ləvuwe], Long Minor (loŋ minɔr], dan Long Luwe [long luwe]. Kemudian komuniti ini dipercayai berhijrah lagi ke kawasan hilir dan membuka penempatan yang baharu yang kekal sehingga kini. Namun yang menarik ialah kedudukan penempatan komuniti ini yang berjauhan antara satu sama lain tetapi tidak menjadi penghalang kepada wujudnya persamaan sistem kelas sosial dalam komuniti Kayan.

Sebagai komuniti yang kecil di Sarawak, masih banyak latar belakang komuniti ini yang tidak diketahui oleh masyarakat lain. Melalui makalah ini, diperkenalkan serba sedikit kelas sosial masyarakat ini yang tidak terdapat dalam komuniti peribumi lain malah kewujudan kelas sosial ini

tidak diketahui pun oleh masyarakat lain di Sarawak.

## Kelas Sosial Komuniti Kayan

Sehingga kini, komuniti ini masih mengamalkan kelas-kelas sosial yang berbeza. Terdapat empat tingkat sosial yang utama dalam komuniti ini. Misalnya, golongan atasan dipanggil *Maren* [marən] (paling tinggi), golongan kelas kedua *Hipui* [hipui] (sederhana), golongan kelas ketiga *Panyin* [paŋin] (bawahan), golongan kelas keempat *Dipen* [dipən] (hamba). Hanya golongan kelas keempat, iaitu golongan hamba sahaja yang sudah dihapuskan dan tidak diamalkan lagi.

Golongan *Maren*, misalnya terdiri daripada golongan diraja dalam komuniti ini. Golongan ini terdiri daripada keluarga Temenggong, Penghulu, Pemanca dan Ketua Kampung sahaja. Untuk mengekalkan keturunan ini, golongan ini hendaklah berkahwin dengan golongan yang setaraf dengan mereka. Jika seseorang yang *Maren* berkahwin dengan kelas sosial yang rendah, maka anak kepada pasangan tersebut bukan lagi *Maren*.

Biasanya, golongan ini merupakan golongan yang *ateng urip* [atəŋ urip] (kaya) dan mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kalangan rakyatnya. Mereka akan sentiasa dihormati dan disanjung oleh kelas sosial yang lain yang lebih rendah. Selain itu, golongan *Maren* ini juga akan membela dan menjaga kebijakan rakyatnya, di samping menjadi tempat mengadu sekiranya rakyat berada dalam kesusahan.

Golongan *Hipui* pula dianggap sebagai golongan kelas kedua dalam komuniti Kayan. Golongan ini wujud akibat daripada perkahwinan golongan *Maren* dengan golongan kelas bawah. Anak pasangan *Maren* dengan golongan bawahan itulah yang akan menduduki kelas sosial *Hipui*. Golongan ini masih juga menduduki kelas sosial yang agak tinggi berbanding dengan golongan *Panyin* dan *Dipen*.

Golongan *Panyin* merupakan golongan kelas sosial yang ketiga. Golongan *Panyin* [paŋin] ini juga boleh dibahagikan kepada dua kelas lagi, iaitu *Panyin Ayak* [paŋin aja?] dan *Panyin Unyer* [paŋin uŋər]. *Panyin Ayak* [paŋin aja?] merupakan suatu kelompok yang sememangnya berasal dan menduduki sesuatu tempat itu dalam jangka masa yang panjang bersama golongan *Maren*. Golongan ini biasanya berkelakuan baik dan *jam adet* [ʃam adət] (kaya dengan budi bahasa). Manakala, *Panyin Unyer* pula lebih rendah tarafnya daripada *Panyin Ayak*. Golongan ini merupakan golongan yang *jan ateng urip* [jan atəŋ urip] (kurang berada/berkemampuan) dan *jan lalek sayu* [jan laleʔ saju] (berkelakuan kurang baik).

*Dipen* bermaksud hamba dan golongan ini biasanya menjadi hamba kepada golongan *Maren*. Terdapat dua tahap dalam *Dipen*, iaitu *Dipen Tua* [dipən tua] dan *Dipen Nengar* [dipən nəŋgar] merupakan golongan yang menjadi hamba kepada golongan *Maren* sepenuh masa. Golongan inilah yang akan melakukan semua kerja untuk golongan *Maren*. Selain itu, golongan ini akan tinggal bersama golongan *Maren* dan menuruti apa-apa sahaja arahan daripada golongan *Maren*. Dengan kata lain, golongan ini lebih rapat dengan golongan *Maren*.

Berbeza pula dengan *Dipen Nengar*. *Dipen Nengar* biasanya golongan yang membuat kerja mereka sendiri. Mereka tinggal di rumah mereka sendiri dan tidak ada kena-mengena dengan golongan *Maren*. Biasanya, golongan ini merupakan golongan yang paling rendah dalam kelas sosial komuniti Kayan. Walau bagaimanapun, golongan kelas sosial *Dipen* ini secara beransur-ansur telah dihapuskan dan tidak lagi diamalkan pada masa sekarang.

Terdapat banyak perbezaan yang ketara antara golongan *Maren* dengan golongan kelas sosial yang lain seperti *Hipui*, *Panyin* dan *Dipen*. Perbezaan-perbezaan ini turut merangkumi cara hidup, cara percakapan, bahasa, kebudayaan dan tahap sosioekonomi mereka. Golongan *Maren* dianggap golongan yang agak sempurna sebab itulah golongan ini digelar golongan raja. Perkahwinan antara golongan *Maren* dengan golongan bawahan tidak digalakkan kerana ini dianggap sebagai sesuatu yang memalukan memandangkan terdapatnya perbezaan taraf. Malah, golongan *Maren* sanggup memberikan anak mereka berkahwin dengan bangsa lain yang tidak menekankan status sosial dalam komuniti mereka.

Selain itu, tahap hukuman dan hantaran perkahwinan antara keempat-empat golongan ini juga berbeza-beza. Golongan *Maren* akan dikenakan hukuman yang lebih tinggi berbanding dengan golongan bawahan. Misalnya, seorang wanita yang terdiri daripada golongan *Maren* akan menerima hantaran yang lebih tinggi dan mahal berbanding dengan golongan yang lain.

Terdapat juga perbezaan penggunaan bahasa antara kelas sosial ini, terutamanya dari segi perlakuan berbahasa. Kelas sosial *Maren* didapati menggunakan bahasa yang lebih sopan berbanding dengan kelas-kelas sosial yang lain. Golongan ini juga bijak menggunakan eufemisme bagi menggantikan sesuatu perkataan yang tabu sifatnya. Secara keseluruhan, bentuk-bentuk bahasa golongan *Maren* lebih mantap dan sangat mementingkan aspek kesopanan bahasa berbanding dengan golongan kelas bawah.

Walaupun terdapat sedikit perbezaan aspek kesopanan bahasa antara golongan *Maren* dengan golongan *Panyin*, perbezaan ini tidak melibatkan aspek fonologi dalam kedua-dua kelas sosial terbabit. Aspek fonologi dan morfologi bahasa Kayan tetap sama tanpa mengira perbezaan kelas sosial dalam masyarakat ini. Yang berikut diperkenalkan sejarah penutur dan fonologi bahasa Kayan.

## Fonologi Bahasa Kayan

Dari segi penyebaran, bahasa Kayan dituturkan di beberapa kawasan di Pulau Borneo. Misalnya di Sarawak, bahasa Kayan dituturkan di Miri, Bintulu, dan Belaga. Manakala di Kalimantan, bahasa Kayan turut dituturkan di kawasan Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah. Bahasa Kayan mempunyai pelbagai dialek yang tersendiri. Di Sarawak, terdapat dua dialek Kayan yang berbeza, iaitu dialek Kayan Belaga dan Kayan Baram. Dialek Kayan Tubau lebih banyak persamaan dengan dialek Kayan Belaga, memandangkan Kayan Tubau merupakan komuniti Kayan Belaga yang baru berpindah dari Daerah Belaga. Namun, masih terdapat kesalingfahaman yang tinggi antara penutur di ketiga-tiga daerah ini.

Di Kalimantan pula, terdapat banyak lagi dialek yang dituturkan oleh komuniti Kayan di sana. Misalnya Kayan Ja'e [kajan ja:ɛ], Kayan Mekam [kajan məkam], Kayan Uma Leken [kajan uma ləkən], Kayan Temeru [kajan təməru], Kayan Lirong Amo [kajan liroŋ amo], Kayan Belugu [kajan bəlugu] dan lain-lain. Namun masih terdapat kesalingfahaman antara penutur-penutur dialek Kayan di Sarawak dengan Kayan di Kalimantan. Menurut informan penulis semasa kajian ini dijalankan, pada awalnya bahasa Kayan dipercayai adalah sama. Perpecahan yang berlaku antara komuniti ini menyebabkan bahasa Kayan masing-masing berkembang dengan sendiri. Tambahan pula, komuniti ini telah berhijrah jauh antara satu dengan lain menyebabkan mereka tidak lagi berhubung dan faktor inilah menggalakkan perbezaan bahasa dalam kalangan komuniti ini. Sebagai rujukan, yang berikut diperturunkan secara umum dan ringkas bentuk fonologi dalam bahasa Kayan, hasil daripada penyelidikan penulis dengan komuniti Kayan di Belaga Sarawak.

Dalam bahasa Kayan, terdapat 19 konsonan dan lapan vokal. Hal ini menjadikan fonem dalam bahasa Kayan terdiri daripada 27 bahagian kesemuanya. Konsonannya ialah / p, b, t, d, k, g, j, ?, m, n, ŋ, r, K, v, s, h, r, l, w / dan /y/. Vokalnya pula ialah / i, e, ɛ, a, ə, u, o / dan / ɔ /.

## Bunyi-bunyi Konsonan Bahasa Kayan

- 7 Plosif: Tiga daripadanya bersuara, iaitu [b, d, g]. Tiga yang lain tidak bersuara [p, t, k]. Kedua-dua konsonan plosif yang bersuara dan tidak bersuara ini terdapat di daerah-daerah bilabial, dental, dan velar, Satu [?] untuk hentian glotis.
- 3 Frikatif: Dalam bahasa Kayan, hanya terdapat bunyi frikatif tidak bersuara [s, h], yang terdapat di daerah lelangit keras dan glotal. Terdapat satu bunyi frikatif bersuara [v], yang terdapat di daerah bibir-gigi.
- 1 Afrikat: [ʃ] yang bersuara terdapat di daerah palato alveolar. Bunyi afrikat [č] tidak wujud sama sekali dalam bahasa ini.
- 2 Likuida: [l] dan [r] merupakan bunyi bersuara yang terdapat di daerah alveolar.
- 4 Nasal: [m, n, ŋ, ɳ] kesemuanya bersuara terdapat di daerah bilabial, lelangit keras, palatar, dan velar.
- 2 Separuh vokal: [w, j] terdapat di daerah bilabial dan palatal.

## Fonem Segmental dan Distribusi Fonem

Melalui makalah ini, dinyatakan secara ringkas tentang fonem segmental, iaitu fonem yang terhasil daripada analisis pertuturan kontinum kepada penggalan yang bererti, dan penyebaran fonem dalam bahasa Kayan.

### Inventori Konsonan

#### (a) Plosif Bilabial /p/ dan /b/

Plosif bilabial /p/ dalam bahasa Kayan wujud di awal, di tengah dan di akhir kata. Manakala bunyi letupan /b/ tidak mempunyai distribusi yang lengkap.

Conyohnya:

	<b>Bahasa Kayan (BK)</b>			<b>Bahasa Melayu (BM)</b>
/p/	awal	[panɔ̄]	=	“jalan” (Kata Kerja)
	tengah	[təpa?] =	“tumbuk”, “tikam”	
/b/	akhir	[ŋəhɔ̄pʰ]	=	“nanti”
	awal	[bakeh]	=	“kawan”, “kekasih”
	tengah	[təbu?ɔ̄ŋ]	=	“simpul”

Terdapat fonem /p/ dan /b/ yang berkontras di awal dan di tengah kata.

Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
awal :	[putɔŋ]	=	“tiap”
	[butɔŋ]	=	“busuk”
tengah :	[məpət]	=	“tebas”
	[məbət]	=	“buang”

### (b) Plosif Alveolar /t/ dan /d/

Bunyi /t/ hadir di awal, di tengah, dan di akhir kata. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/t/ : awal	[təlaŋ]	=	“bubur”
: tengah	[mətɔŋ]	=	“langgar”
: akhir	[butət]	=	“putus”

Plosif alveolar /d/ tidak mempunyai distribusi yang lengkap kerana /d/ hadir di awal dan di tengah kata sahaja. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/d/ : awal	[davən]	=	“pakaian”, “barang”
: tengah	[ŋəledɔŋ]	=	“jemur”

Fonem /t/ dan /d/ yang berkontras ialah:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
awal :	[təŋ]	=	“tanya”
:	[dəŋ]	=	“cukup”
tengah :	[nətək]	=	“potong tali/daging”
:	[nədək]	=	“bertatu”

### (c) Plosif Glotal /ʔ/ dan Frikatif Glotal /h/

Plosif glotal /ʔ/ mempunyai distribusi yang lengkap kerana wujud di awal, di tengah, dan di akhir kata. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/ʔ/ : awal	[?əlɔʔ?]	=	“kamu semua”

:	tengah	[i?əm]	=	“mahu”
:	akhir	[hawa?]	=	“kahwin”

Bunyi frikatif glotal /h/ juga mempunyai distribusi yang lengkap. Misalnya:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>	
/h/	:	awal	[hadə]	=	“lupa”
	:	tengah	[bahui]	=	“angin”
	:	akhir	[ivah]	=	“air liur”

#### (d) Bunyi Frikatif /s/

Bunyi frikatif /s/ tidak mempunyai distribusi yang lengkap. /s/ hanya hadir di awal dan di tengah kata sahaja. Contohnya:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>	
/s/	:	awal	[saju]	=	“baik”
	:	tengah	[bəsəh]	=	“kenyang”

#### (e) Bunyi Afrikat /j/

Hanya bunyi afrikat /j/ sahaja yang wujud dalam bahasa Kayan. Bunyi ini hadir di awal dan di tengah kata sahaja. Bunyi afrikat /č/ tidak hadir dalam bahasa ini. Contohnya:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>	
/j/	:	awal	[jaki]	=	“sekejap”
	:	tengah	[ajat]	=	“sejenis alat tradisional untuk menyimpan barang”

#### (f) Bunyi Sengau /m/, /n/, /ŋ/, dan /ŋ/

Bunyi bilabial /m/ hadir di awal, di tengah dan di akhir kata.

Contohnya:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>	
/m/	:	awal	[maləm]	=	“malam”
	:	tengah	[kuman]	=	“makan”
	:	akhir	[daləm]	=	“sungai yang dalam”

Bunyi nasal alveolar /n/ juga hadir di awal, di tengah, dan di akhir kata.

Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/n/ :	awal [nunə]	=	“bagaimana”
:	tengah [manə]	=	“marah”
:	akhir [kanən]	=	“nasi”

Bunyi nasal palatal /ɲ/ tidak mempunyai distribusi yang lengkap. Bunyi ini hanya hadir di awal dan di tengah kata sahaja. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BMS</b>
/ɲ/ :	awal [ɲalun]	=	“mandul”
:	tengah [majun]	=	“hanyut”

Manakala bunyi sengau velar /ŋ/ pula mempunyai distribusi yang lengkap. Bunyi ini boleh hadir di awal, di tengah dan di akhir kata. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BMS</b>
/ŋ/ :	awal [ŋəluan]	=	“seronok”
:	tengah [naŋi]	=	“tangis”
:	akhir [maviəŋ]	=	“kidal”

### (g) Bunyi Likuida /l/ dan /r/

Bunyi likuida juga dikenal sebagai bunyi lateral /l/ dan getaran /r/. Kedua-dua bunyi likuida ini mempunyai distribusi yang lengkap. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/l/ :	awal [ləba?]	=	“banyak”
:	tengah [malər]	=	“rasa sesemut”
:	akhir [tuml]	=	“tumit”

  

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/ r / :	awal [rəgah]	=	“harga”
:	tengah [mərit <sup>b</sup> ]	=	“gigit”
:	akhir [malər]	=	“rasa sesemut”

Terdapat bunyi lateral /l/ dan getaran /r/ yang berkontras di tengah kata.

Contohnya:

<b>BK</b>	<b>BM</b>
[irak]	= “koyak”
[ilak]	= “baju tanpa lengan”
[mili]	= “pilih”
[miri]	= “baring”

#### (h) Bunyi Frikatif atau Geseran /v/

Salah satu ciri yang ketara dalam bahasa Kayan ialah penggunaan bunyi frikatif /v/ yang banyak dalam leksikalnya. Namun, yang lebih menarik ialah bunyi /v/ hanya wujud di tengah kata sahaja. Contohnya:

<b>BK</b>	<b>BM</b>
[ləvi]	= “petang”
[ləvə?]	= “lewat”
[livəŋ]	= “rindu”
[luvan]	= “lubang”

#### (i) Bunyi Geluncuran /w/ dan /j/

Bunyi geluncuran juga dikenal sebagai bunyi separuh vokal. Bunyi geluncuran /w/ hadir di awal dan di tengah kata sahaja. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/w/ :	awal	[wiəŋ]	= “sejenis alat untuk mencabut rumput”
:	tengah	[bawaŋ]	= “kolam”, “bawang”

Manakala, bunyi geluncuran /j/ juga tidak mempunyai distribusi yang lengkap. /j/ hanya wujud di awal dan di tengah kata sahaja. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/j/ :	awal	[jol]	= “sapu sekali gus”
:	tengah	[pajɔ]	= “rusa”
		[saju]	= “baik”

Terdapat bunyi geluncuran /w/ dan /j/ yang berkontras di tengah kata. Contohnya:

<b>BK</b>	<b>BM</b>
[kawa?]	= “kami berdua”

[kaja?] = “kaya”

**(j) Bunyi Velar /k/ dan /g/**

Bunyi velar /k/ mempunyai distribusi yang lengkap. Bunyi ini hadir di awal, di tengah dan di akhir kata. Contohnya:

		<b>BK</b>	=	<b>BM</b>
/k/ :	awal	[kətə]	=	“marah”
		[kərei]	=	“sekarang”
:	tengah	[bakah]	=	“raga”, “reban”
		[muku]	=	“tua”
:	akhir	[usək]	=	“dada”
		[bərək]	=	“monyet”

Manakala bunyi velar /g/ hanya hadir di awal dan di tengah kata sahaja. Contohnya:

		<b>BK</b>	=	<b>BM</b>
/g/ :	awal	[gahət]	=	“pinang”
:	tengah	[pəgiəŋ]	=	“selalu”

Terdapat juga bunyi velar /k/ dan /g/ yang berkontras. Contohnya:

		<b>BK</b>	=	<b>BM</b>
/g/ :	awal	[gəri]	=	“bawa”
		[kəri]	=	“keris”
:	tengah	[muku]	=	“tua”
		[mugu]	=	“sungai cetek yang banyak batu”

### Inventori Vokal

Dalam bahasa Kayan, terdapat tiga keadaan aspek inventori vokal dalam membentuk kata yang tertentu, iaitu bunyi vokal tinggi /i/ dan /u/, bunyi vokal tengah /e/, /ə/, /ɛ/, /ɔ/, dan /o/, dan bunyi vokal rendah /a/ dan /ɑ/.

**(a) Bunyi Vokal Tinggi /i/ dan /u/**

Bunyi vokal tinggi ini hadir di awal, di tengah dan di akhir kata. Contohnya:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>
/i/ :	awal	[ilɔ]	=	“cari”
:	tengah	[nə?əriəŋ]	=	“berdiri”
:	akhir	[gəri]	=	“bawa”
/u/ :	awal	[uvɛ?]	=	“ubi keledek”
:	tengah	[məsup <sup>b</sup> ]	=	“basuh baju”

**(b) Bunyi Vokal Tengah /e/, /ə/, /ɛ/, /ɔ/, dan /o/**

Terdapat enam vokal tengah dalam bahasa Kayan. Yang menarik dalam bahasa Kayan ialah ketiga-tiga vokal tengah depan /e/, /ə/, /ɛ/ dan vokal tengah belakang /ɔ/, dan /o/ mempunyai penyebaran yang berbeza-beza. Contohnya:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>
/e/ :	tengah	[tale?]	=	“tali”
:	akhir	[hunje]	=	“sungai”
/ə/ :	tengah	[bəla]	=	“merah”
/ɛ/ :	tengah	[uve?]	=	“ubi keledek”
	akhir	[laɛ]	=	“letih”
/ɔ/ :	tengah	[livɔh]	=	“kejar”
	akhir	[lavɔ]	=	“tikus”
/o/ :	tengah	[baton]	=	“tubuh badan”, “seekor”
	akhir	[lepo]	=	“pondok”

Fonem vokal yang berkontras ialah:

		<b>BK</b>		<b>BM</b>
/ə/ dan /ɔ/ :		[mətəŋ]	=	“tanya”
	:	[mətɔŋ]	=	“langgar”
/a/ dan /e/ :		[bakah]	=	“raga”, “reban”
	:	[bakeh]	=	“kawan”, “kekasih”
/i/ dan /u/ :		[təpukət]	=	“simpul”
	:	[təpikət]	=	“sejenis kelawar”
/i/ dan /u/ :		[siŋ]	=	“zink”
	:	[seŋ]	=	“hendak”
/i/ dan /u/ :		[avit]	=	“kerana”
	:	[avut]	=	“buntut”
/ə/ dan /u/ :		[ləru]	=	“gugur”

	[luru]	=	“sejenis makanan yang dihasilkan daripada sagu”
/ɛ/ dan /o/ :	[akɛ]	=	“minta”
	[ako]	=	“lepas”
/e/ dan /i/ :	[pəje]	=	“saling hulur”
	[pəji]	=	“bersama”, “kahwin”

### (c) Bunyi Vokal Rendah /a/ dan /ɑ/

Dalam bahasa Kayan, bunyi vokal /a/ dan // merupakan variasi bebas. Vokal ini dapat dilihat di awal, di tengah dan di akhir kata dalam bahasa Kayan. Contohnya:

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
/a/ dan /ɑ/ :	awal [aməh]	=	“tipu”
:	tengah [baʔah]	=	“raga”, “reban”
:	akhir [liva]	=	“rendah”

### (d) Diftong

Diftong merupakan gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat daripada perubahan lidah. Dalam bahasa Kayan, terdapat empat bunyi diftong. Contohnya:

#### i. Diftong Sempit /au/

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
	[singau]	=	“kucing”
	[au]	=	“sudah”

#### ii. Diftong Sempit /ui/

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
	[apui]	=	“api”
	[sikui]	=	“tembikai”
	[bahui]	=	“angin kencing”
	[bavui]	=	“babi hutan”

#### iii. Diftong Sempit /ai/

	<b>BK</b>		<b>BM</b>
	[ai?]	=	“ya”

[ai <sup>y</sup> a?]	=	“besar”
----------------------	---	---------

#### iv. Diftong Sempit /iə/

BK	=	BM
[makiəŋ]	=	“jalan kaki”
[dahiək]	=	“bersama saya”

### Struktur Suku Kata

Terdapat tiga pola pembentukan perkataan dalam bahasa Kayan. Pola persukuan tersebut adalah seperti yang berikut:

#### i. Satu Suku Kata

	BK	=	BM
VK	: [ɒk]	=	“sedikit”
VV	: [a <sup>y</sup> i]	=	“beri”
KV	: [so]	=	“cucu”
VVK	: [aəp <sup>h</sup> ]	=	“embun”
KVK	: [te?]	=	“ada”
KKV	: [gri]	=	“bawa”

#### ii. Dua Suku Kata

	BK	=	BM
KVV	: [bu <sup>w</sup> a]	=	“buah”
VVV	: [ai <sup>y</sup> ɔ̄]	=	“musuh”
VVK	: [i <sup>y</sup> ɔ̄ŋ]	=	“batang”
VKV	: [ala]	=	“ambil”
VKVV	: [akui]	=	“saya”
KVKV	: [pala]	=	“kepala”
KVVK	: [dua?]	=	“dua”
KVVV	: [mai <sup>y</sup> ɔ̄]	=	“cuci”
VKVK	: [up <sup>h</sup> ɛh]	=	“hampas padi”
VKVVK	: [ikiəŋ]	=	“jari”
KVKVK	: [bəlɛ?]	=	“jual”
KVKVVK	: [bariək]	=	“kelakuan”, “sifat”

#### iii. Tiga Suku Kata

	BK	=	BM
KVKVVK	: [ŋəliah]	=	“main”

KVKVKV	:	[pkalɛ]	=	“belajar”
KVKVKVK	:	[nəbitət]	=	“gempal”
KVKVVV	:	[ŋəvai̯a]	=	“ekori”
KVKVVVK	:	[ŋəhai̯ah]	=	“subuh”
KVKVKVVK	:	[nəkəriəŋ]	=	“berdiri”

### **Titik Artikulasi dan Fitur Distingtif**

Carta ini menunjukkan fitur-fitur yang ada dalam bahasa Kayan yang mencirikan 27 fonem. Sila rujuk Jadual 1.

**Jadual 1** Fitur-fitur distingtif bahasa Kayan.

	b	v	d	g	p	t	k	j	s	l	r	m	n	ŋ	K	w	j	h	?	i	e	u	o	a	ə
Silabik	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	+	+
Konsonan	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Sonoran	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	+	+	+	+
Nasal	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Belakang	-	-	-	+	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-
Hadapan	+	+	+	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-
Tinggi	-	+	-	+	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-
Bundar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Rendah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-
Kontinuan	-	+	-	-	-	-	-	-	+	+	-	-	-	-	-	+	+	++	++	++	++	++	++	++	++
Anterior	+	+	-	+	-	-	-	+	+	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Koronal	-	-	+	-	+	-	+	+	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Striden	-	-	-	-	-	-	-	+	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Suara	+	+	+	-	-	-	-	+	-	+	++	+	+	+	+	+	+	++	-	+	++	++	++	++	++
Lepas	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lewat	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Selain itu, terdapat juga proses-proses fonologi dalam bahasa Kayan, iaitu variasi bebas dan homonim. Di samping itu, dinyatakan juga titik artikulasi yang tidak sama tetapi tidak mempunyai pasangan minimal.

#### **(a) Variasi bebas**

	BM	BK
i.	Mencuci baju	= “məŋup” = “məsup”
ii.	Hanyut	= “maŋun”

	=	“maŋɔr”
iii. Serupa	=	“piah”
	=	“tiah”

**(b) Homonim**

Dalam bahasa Kayan, terdapat perkataan yang mempunyai sebutan dan ejaan yang sama, tetapi mempunyai makna yang berbeza. Contohnya:

BK	BM
i. [kəriəŋ]	= “dengar” = “topi tradisional”
ii. [bu]	= “bau” = “kata seru dalam BK”
iii. [bawarŋ]	= “bawang” = “kolam”
iv. [məlb?]	= “duduk” = “tinggal”

**(c) Pasangan Minimal****i. Awal Kata**

		BK	BM
/ʃ/ dan /k/	:	[ʃi]	= “satu”
	:	[ki]	= “kurap”
/θ/ dan /m/	:	[θəlɔŋ?]	= “kamu”, “kalian”
	:	[məlɔŋ?]	= “duduk”
/ʃ/ dan /j/	:	[ʃat]	= “tarik”
	:	[jat]	= “tambah”
/n/ dan /p/	:	[nəsək]	= “cuba”
	:	[pəsək]	= “halangan”
/θ/ dan /b/	:	[kalui]	= “pakaian gantian”
	:	[balui]	= “berubah”, “sungai”
/s/ dan /p/	:	[səbeh]	= “cili”
	:	[pəbeh]	= “cari”
/l/ dan /b/	:	[lu]	= “jarum”

	:	[bu]	=	“bau”
/k/ dan /b/	:	[kətəŋ]	=	“landak”
	:	[bətəŋ]	=	“bengkak”

### ii. Tengah Kata

		BK		BM
/r/ dan /d/	:	[turu]	=	“atap yang bocor”
	:	[tudu]	=	“tidur”
/v/ dan /h/	:	[bavui]	=	“babi hutan”
	:	[bahui]	=	“ribut”
/r/ dan /t/	:	[bariɛk]	=	“kelakuan”
	:	[batiɛk]	=	“batik”
/l/ dan /v/	:	[təlɔ?] =		“tiga”
	:	[təvɔ?] =		“tebu”
/l/ dan /s/	:	[mali]	=	“mengandung”
	:	[masi]	=	“kasihan”
/w/ dan /v/	:	[lawat]	=	“sebarang” (Kata Kerja)
	:	[lavat]	=	“sedia”
/s/ dan /p/	:	[asui]	=	“tolak”
	:	[apui]	=	“api”
/v/ dan /n/	:	[kinah]	=	“percaya”
	:	[kivah]	=	“menaruh hati”

### iii. Akhir Kata

		BK		BM
/k/ dan /m/	:	[anuk]	=	“saya punya”
	:	[anum]	=	“kamu punya”
/h/ dan /K/	:	[hatɔh]	=	“jerat”
	:	[hatɔŋ]	=	“renang”
/k/ dan /p/	:	[sak]	=	“masak”
	:	[sap]	=	“cat”

#### (d) Nasal Hormoganik

Nasal hormoganik ialah proses pembentukan kata dalam bahasa Kayan yang memperlihatkan adanya kejadian asimilasi nasal-obstruen. Nasal hormoganik ditemukan dalam kes pembentukan kata kerja aktif yang menggunakan imbuhan awalan dalam bahasa Kayan. Contohnya:

<b>BK</b>	<b>BM</b>	<b>BK</b>	<b>BM</b>
[tutor]	= “terbakar”	- [nutor]	= “membakar”
[bajo]	= “barang cucian”	- [majo]	= “mencuci”
[parəm]	= “padam”	- [marəm]	= “memadamkan”
[kalui]	= “pakaian tukar”	- [ŋalui]	= “menukar pakaian”
[ləgak]	= “jatuh”	- [məgak]	= “menjatuhkan”
[katɔ?]	= “kiriman”	- [ŋato?]	= “mengirimkan”
[katon]	= “ikat”	- [ŋator]	= “mengikat”

Secara ringkas, proses ini dapat digambarkan seperti yang berikut:

$$\begin{array}{lll} t \rightarrow n & b \rightarrow m & l \rightarrow m \\ k \rightarrow \eta & p \rightarrow m & \end{array}$$

Dapat dirumuskan bahawa telah berlaku pengguguran bunyi awal sesuatu kata dasar apabila kata dasar tersebut diubah menjadi kata kerja. Malah, lebih menarik lagi ialah proses pengimbuhan tidak berlaku bagi mengubah sesuatu kata itu untuk menjadi kata kerja. Misalnya, kehadiran nasal /n/ di hadapan kata [tutor] “terbakar” bagi menggantikan bunyi plosif /t/ akan menjadi kata kerja [nutor] yang membawa makna kata kerja, iaitu “membakar”. Begitu juga dengan bunyi plosif /p/ dalam kata nama [bajo] “barang cucian” akan mengalami pengguguran dan digantikan dengan bunyi nasal /m/ bagi membentuk kata kerja aktif, iaitu [majo] yang bermaksud “mencuci”. Namun tidak semua perkataan dalam bahasa Kayan boleh mengalami proses asimilasi ini.

Melalui data yang telah dipaparkan, dapat disimpulkan bahawa proses pembentukan kata baharu melalui proses pengimbuhan dalam bahasa Kayan amatlah terhad.

### Morfologi dan Pembentukan Kata Bahasa Kayan

Dalam BK, terdapat bentuk kata yang bersifat tunggal. Selain itu, terdapat juga proses pengimbuhan, tetapi pengimbuhan ini hanya terhad kepada

imbuhan awalan sahaja. BK juga mengandungi perkataan yang dibentuk hasil daripada proses pemajmukan dan penggandaan. Walau bagaimanapun, kedua-dua proses ini amat terhad.

### Bentuk Kata Majmuk

Kata majmuk ialah hasil daripada proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih, dan bentuk yang terhasil membawa makna yang tertentu. Kata majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain. Dalam bahasa Kayan, unsur ini boleh dilihat seperti di bawah:

<b>BK</b>	<b>BM</b>
[ja:ak ba] jahat mulut	= “celopar”
[sayu kənəp] baik hati	= “baik hati”
[pərah kənəp] sakit hati	= “sakit hati”

### Bentuk Kata Ganda

Proses penggandaan merupakan proses pembentukan kata yang tidak produktif dalam BK. Bilangan kata yang terbentuk melalui proses ini amat sedikit. Dalam bahasa Kayan, terdapat dua proses penggandaan, iaitu penggandaan penuh dan penggandaan berentak sahaja. Contohnya:

#### i. Penggandaan Penuh

<b>BK</b>	<b>BM</b>
[bo-bo]	= “tinggi-tinggi”
[ipət- ipət]	= “cepet-cepat”

#### ii. Penggandaan Berentak

<b>BK</b>	<b>BM</b>
[pitəm-əm] hitam pekat	= “hitam-legam”
[ŋəmit-it] biru pekat	= “pucat”

## Bentuk Kata Terbitan

Kata terbitan ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Imbuhan pula ialah morfem terikat yang diletakkan, sama ada di awal, di tengah, atau di akhir sesuatu kata dasar untuk membentuk perkataan baharu. Morfem terikat tersebut lazimnya membawa makna kenahuan kata baharu yang terhasil. Imbuhan termasuk awalan, sisipan, akhiran, dan apitan.

Dalam bahasa Kayan, proses pengimbuhan amat sedikit dan terhad kepada imbuhan awalan sahaja. Imbuhan sisipan, akhiran, dan apitan tidak wujud sama sekali dan hanya awalan [p] sahaja yang wujud dalam bahasa Kayan. Contohnya:

<b>BK</b>	<b>BM</b>	<b>BK</b>	<b>BM</b>
[bakəh]	= “kawan”	-	[pəbakəh] = “berkawan”
[livəh]	= “kejar”	-	[pəlivəh] = “berkejaran”
[ŋəluan]	= “seronok”	-	[pəkəluan] = “berseronok”
[məlu]	= “gemira”	-	[pəpəlu] = “bergembira”

Golongan kata dalam bahasa Kayan boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu kata nama, kata kerja, kata sifat (adjektif), dan kata tugas. Bahasa Kayan mempunyai bilangan ayat yang tidak terhad banyaknya. Ayat-ayat tersebut boleh dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu ayat dasar, ayat tunggal, dan ayat majmuk.

## KESIMPULAN

Penyelidikan tentang fonologi bahasa Kayan setakat ini amat terbatas dan tiada kajian spesifik telah dilakukan. Namun demikian, penulis berharap dengan pempararan secara ringkas dalam tulisan ini, khususnya yang menyentuh aspek fonetik, fonologi dan morfologi bahasa Kayan ini dapat memberikan gambaran secara ringkas kepada para pembaca dan pengkaji linguistik tentang sifat-sifat bahasa Kayan ini. Ciri-ciri fonologi bahasa ini sangat menarik dan unik untuk terus dikaji agar dapat memperkaya dan memelihara bahasa sukuan untuk terus dituturkan oleh masyarakat Kayan di Sarawak.

## RUJUKAN

- Ajid Che Kob, 1977. Bahasa dan Kebudayaan: Satu Tinjauan Hubungannya. *Jurnal Dewan Bahasa*. Dis. 24.

- Ajid Che Kob, 1990. Kajian Sosiolinguistik Bahasa Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Dis: 920.
- Ajid Che Kob, 1991. *Ilmu Bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Linguistik.
- Asmah Hj. Omar, 1991. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harrisson, Tom, 1961. An Arther-life for Kayan Infants in Kalimantan. *Sarawak Museum Journal*, 10: 214–215.
- MacDonald, M., 1985. *Borneo People: Introduction To The Kayans*. New York: Oxford University Press.
- Nyipa, Hang, 1956. Migrations of the Kayan People. *Sarawak Museum Journal*, 7: 82–88.
- Rousseau, J., 1977. Kayan Agriculture. *Sarawak Museum Journal*, 25: 129–156.
- Rousseau, J., 1974. A Vocabulary of Baluy Kayan. *Sarawak Museum Journal*, 43: 93–152.
- Teo Kok Seong, 1998. Teori dan Penelitian Linguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(1): 59–67.
- The Sarawak Gazette*, 1958. Belaga. 34:114. Notification No. 1204.